

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI

KAWASAN : KUDAT

TARIKH : 01 DISEMBER 2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 41

DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kerajaan akan memuktamadkan Perjanjian Perdagangan Trans Pacific (TPPA) dalam masa terdekat ini. Apakah inisiatif utama yang terkandung di dalam perjanjian tersebut khususnya berkaitan dengan kedaulatan ekonomi Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Sepertimana sedia maklum, mesyuarat Menteri-Menteri Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di Atlanta, Amerika Syarikat dari 30 September hingga 5 Oktober 2015 telah berjaya menyelesaikan semua isu-isu tertunggak dan seterusnya berjaya memuktamadkan Perjanjian TPPA. Walau bagaimanapun, TPPA masih belum di tandatangani.

2. Teks penuh TPPA telah dihebahkan kepada umum pada jam 3 petang Khamis, 5 November 2015. Teks tersebut mengandungi 30 bab dan melebihi 6,000 muka surat termasuk jadual dan *Annexes*. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga telah muat naik *Frequently Asked Questions* (FAQ), dengan izin, di laman sesawang MITI bagi memudahkan orang ramai lebih memahami kandungan TPPA.

3. Sekiranya Perjanjian TPP di tandatangani, semua ahli TPP mempunyai tempoh 24 bulan untuk melengkapkan proses domestiknya bagi membolehkan Perjanjian TPP diratifikasi. Perjanjian TPP akan berkuatkuasa:

a. apabila 12 ahli TPP telah menyelesaikan proses ratifikasi dalam tempoh 24 bulan; atau

- b. sekiranya syarat (a) tidak dapat dipatuhi, ratifikasi adalah perlu oleh sekurang-kurangnya 6 negara yang menyumbang 85 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) secara bergabung.

Tuan Yang Dipertua,

4. Secara keseluruhan, **Kerajaan berpuas hati** dengan hasil rundingan TPP. Ini kerana kepentingan Malaysia telah diambil kira melalui fleksibiliti yang diberi kepada Malaysia. Dalam pada itu, kita juga mengakui bahawa dalam beberapa hal kita juga telah membuat kompromi. Untuk beberapa perkara kita telah berjaya mempertahankan dasar negara. Sebagai contoh,

- a. **Dasar Bumiputera dipertahankan** dalam bab-bab seperti Perolehan Kerajaan dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pelbagai mekanisme seperti tempoh transisi, ambang nilai perolehan yang tinggi serta pengecualian beberapa entiti; dan
- b. Dalam isu Hak Harta Intelekt pula, obligasi yang dimuktamadkan juga **tidak mengubah ciri-ciri utama dasar paten negara** yang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua,

5. Salah satu daripada kebimbangan yang sering dibangkitkan ialah mengenai peruntukan *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS), dengan izin, yang dimasukkan di dalam Perjanjian TPP. Kritikan yang dibuat adalah bahawa peruntukan ini akan menggugat kedaulatan dan

menghadkan ruang Kerajaan untuk menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dan pada masa yang sama membolehkan pelabur asing mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan.

6. Saya ingin menjelaskan bahawa Perjanjian TPP tidak menghalang Kerajaan daripada menggubal dan melaksanakan objektif dasar-dasar awam, terutamanya berkaitan keselamatan negara, kesihatan awam, alam sekitar dan kebajikan. Terdapat beberapa mekanisme kawalan yang telah dirundingkan untuk mengatasi isu-isu utama termasuk mengelakkan daripada pelabur asing membuat tuntutan dan mencabar Kerajaan tanpa asas yang munasabah. Antaranya termasuk:

- a. Mewajibkan proses konsultasi dan perantaraan;
- b. Pelabur perlu membuktikan kerugian berlaku akibat langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan. Sekiranya berlaku tuntutan yang tidak berasas, maka pelabur perlu membayar ganti rugi kepada kerajaan dari segi kos guaman;
- c. Prosedur bantahan awal, terutama dalam tuntutan tidak berasas;
- d. Tiada tuntutan dibenarkan untuk kes yang melampaui jangka masa 3 tahun dan 6 bulan;
- e. Pihak Kerajaan dari negara TPP berhak membuat penterjemahan bersama berhubung peruntukan bab pelaburan dan penterjemahan tersebut perlu dipatuhi oleh Tribunal semasa membuat kata putus sesuatu kes;
- f. Perbicaraan terbuka (*open hearing*), dengan izin, dan notis-notis yang berkaitan dimaklumkan umum; dan

- g. Membenarkan pihak ketiga yang mempunyai kepakaran khusus untuk memberi maklumat.

Tuan Yang Dipertua,

7. Adalah penting diketahui ISDS sebenarnya bukanlah perkara baharu bagi Malaysia. Malaysia telah menandatangani 74 Perjanjian Pelaburan Dua Hala (BIT) dan 8 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang mengandungi peruntukan tersebut. Di samping itu, kita perlu memahami bahawa sebenarnya peruntukan ISDS boleh digunakan oleh kedua-dua pihak. Pelabur Malaysia di luar negara juga akan mendapat hak yang sama untuk memelihara kepentingan pelaburan mereka.

8. Dalam menimbang obligasi penyertaan Malaysia dalam TPP, Kerajaan sedar akan cabaran yang perlu ditangani di samping manfaat yang sedang menunggu kita. Sehubungan itu, dalam setiap dasar atau keputusan yang kita ada baik dan buruknya. Begitu juga dengan liberalisasi pasaran. Penilaian terhadap impak TPP sedang dilaksanakan oleh pasukan kajian.

9. Seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan, teks rundingan bersama-sama dengan dua kajian kos manfaat oleh *Institute Strategic and International Studies* (ISIS) dan *PricewaterhouseCoopers* (PwC) akan Kerajaan bentangkan di Mesyuarat Parlimen di satu sesi khas selama 2 hari pada bulan Januari 2016.

Tuan Yang Dipertua,

10. Saya ingin menegaskan di sini, bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang amat bergantung kepada perdagangan sejak beberapa kurun lagi. Malaysia mendapat faedah yang besar daripada perdagangan antarabangsa, yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, serta menjana peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Sejak 1997, Malaysia telah mengalami lebih dagangan secara berturut-turut dan pada 2014, lebih dagangan negara adalah RM83.11 billion. Bagi memastikan negara terus berdaya saing di arena global, Malaysia akan terus melihat peluang-peluang untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan melalui FTA.